

13/05/2000

Luahan akar umbi mesti diambil kira

KUALA LUMPUR, Jumaat - Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Kelantan, Datuk Annuar Musa mahu barisan baru kepemimpinan Umno supaya sedia mendengar kritikan dan menjalani proses muhasabah diri bagi memastikan sokongan yang berterusan kepada parti.

Katanya, perubahan tegas dan jitu perlu dilaksanakan bagi memastikan keyakinan terhadap kewibawaan parti pulih di kalangan bangsa Melayu kerana banyak faktor menyebabkan lunturnya kekuatan Umno pada pilihan raya umum lalu.

"Saya meminta kepada semua ahli Majlis Tertinggi termasuk diri saya sendiri agar bersabar apabila mendengar kritikan kerana ini adalah satu proses muhasabah diri khusus untuk menjamin kekuatan parti dan sokongan ahli yang berterusan kepada parti.

"Sikap tidak melayani kritikan kecil dan memandang enteng ahli yang berkecil hati dan mula menjauhkan diri dari parti akan membawa kerugian besar kepada parti," katanya, yang mewakili Umno Kelantan membahaskan ucapan dasar Presiden di perhimpunan agung Umno hari ini.

Beliau yang juga ahli Majlis Tertinggi, meminta pucuk pimpinan parti supaya jangan 'menempelak' ahli secara terbuka, kerana ia hanya akan memburukkan keadaan.

Mengambil contoh kritikan serius membabitkan amalam politik wang yang diterima kumpulan perwakilan yang dinamakan G-7, Annuar berkata tindakan itu mengaibkan semua perwakilan seolah-olah semua mereka adalah 'pelahap'.

"Tindakan perlu bijak, tindakan betul tapi tidak bijak boleh membawa padah kepada parti. Antaranya ialah kalau anak didapati nakal, jangan ditempeleng di tepi jalan, tunggu hingga pulang ke rumah. Kalau boleh, merotan anak ... kakak dipukul, adik tak tahu agar dia memahami mesej yang hendak disampaikan dan boleh memperbaiki diri.

"Kalau anak ditempelak di tepi jalan kerana malu dan kecewa, mungkin akan timbul masalah lain. Tariklah rambut di dalam tepung, rambut jangan putus tepung jangan berkecai. Tidak semua urusan pengurusan parti perlu didedahkan pada akhbar.

"Pandangan politik dari atas dipanggil nasihat, pandangan pemimpin dari bawah namanya kritikan. Sementara nasihat bukan tentu semuanya betul, kritikan juga belum tentu semuanya salah," tegasnya disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Mengenai fenomena Umno yang semakin kehilangan sokongan Melayu, Annuar meminta supaya dihentikan sikap konfrontasi dan provokasi ke atas beberapa golongan Melayu termasuk ulama kerana ia hanya akan memburukkan keadaan.

Sebaliknya beliau mendesak semua pihak supaya mengkaji faktor lebih besar seperti kelemahan jentera penyusunan dan pentadbiran parti dalam menghadapi sebarang isu terutama ketika pilihan raya umum lalu.

"Dalam parti, kita kuat di atas lemah di bawah. Umno sebenarnya kaya di ibu pejabat tapi miskin di cawangan. Saya buat bancian dan mendapati 80 peratus cawangan di Kelantan tak punya wang sampai RM50 pun bagi menjalankan aktiviti," katanya sambil meminta supaya dibenarkan peringkat negeri mewujudkan dana sendiri.

Beliau juga mendesak semua pemimpin tertinggi supaya tidak bersikap hanya sebagai 'menumpang' dan membiarkan Presiden melakukan segala tugas bersendirian.

Keadaan seperti itu menjadikan parti pembangkang mengubah strategi untuk melemahkan Umno dengan 'pembunuhan karektor' iaitu dengan menyemai

perasaan benci rakyat terhadap Dr Mahathir.

"Kita tidak mahu lagi tengok Presidenlah Presiden, Presidenlah timbalan presiden, Presidenlah naib presiden, Presidenlah ketua Pemuda dan Presidenlah ketua Wanita.

"Kalau Umno hendak kuat dan kekal relevan, kaji satu persatu perkara negatif dan lakukan perubahan. Kita punya seorang Presiden yang bersikap reformis. Walaupun kita katakan Umno lemah tetapi kita tetap beri Presiden menang tidak bertanding kerana kita tahu beliau mampu membawa perubahan dan membawa semula kekuatan pada parti," katanya.

Annuar menegaskan, Umno bukan saja perlu kelihatan kukuh pada zahirnya tetapi kuat dalam erti kata sebenar.

"Kerajaan yang kuat tidak menjamin parti daripada merudum jatuh jika parti tidak dijaga. Bila parti kuat, letak siapa pun akan menang, tapi bila parti lemah orang yang baik pun akan kalah," katanya merujuk kepada prestasi Umno di Kelantan pada pilihan raya umum lalu.

Annuar juga berkata Umno kini perlu memberi tumpuan kepada Melayu di bandar kerana ramai di kalangan mereka adalah pengundi di kampung.

Beliau berkata, kekalahannya di Peringat disebabkan lebih 4,000 pengundinya yang di bandar pulang beramai-ramai untuk mengundi.

Justeru beliau mendesak supaya Umno di bandar terutama Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan supaya meningkatkan usaha menarik golongan Melayu.

(END)